

Guatemala beri amaran

Jutaan penduduk global akan mati akibat krisis makanan disebabkan perang Rusia-Ukraine

GUATEMALA CITY

Presiden Guatemala memberi amaran bahawa jutaan penduduk di dunia akan mati akibat krisis makanan yang berpunca daripada pencerobohan tentera Rusia di Ukraine.

Alejandro Giammattei yang dijemput rakan sejawatannya di Ukraine, Volodymyr Zelenskyy bagi menyaksikan sendiri kemusnahan akibat pencerobohan Rusia, turut mengancam peperangan itu sehingga memberi kesan kepada keselamatan global.

“Bukti yang tidak dapat dinafikan mengenai akibat perang ini ialah kesan ekonomi yang mencetuskan inflasi, peningkatan kos sara hidup dan menjana kemiskinan,” katanya dalam satu kenyataan bersama Zelenskyy.

Tambahnya, konflik yang tidak berkesudahan itu akan menyebabkan krisis



Presiden Volodymyr Zelenskyy (kanan) sedang berbincang dengan rakan sejawatannya dari Guatemala, Alejandro Giammattei semasa melawat Kiev. - AFP

makanan dan kematian jutaan penduduk di seluruh dunia.

Difahami, negara Amerika Tengah itu telah terjejas teruk akibat perang kerana mereka mengimport semua bijirannya dari zon konflik berkenaan.

Ukraine tidak boleh mengeksport bijirannya sejak bermulanya pencerobohan Rusia kerana sekatan pelabuhan Laut

Hitam oleh tentera Moscow.

“Dunia sekarang mengalami akibat serius daripada pencerobohan Rusia seperti krisis makanan dan ketidakstabilan harga barangan.

“Kos sara hidup meningkat secara tidak sekata dan hanya kita dapat melindunginya serta undang-undang antarabangsa,” kata Zelenskyy. - AFP